

BAB 3

BAB TIGA

ANALISIS AYAT-AYAT NI'MA DAN BI'SA DALAM AL-QURAN

3.0 Pengenalan

Bab ini akan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mengandungi KK ni'ma dan bi'sa. Proses analisis ini akan dilakukan secara deskriptif di mana penulis akan membahagikannya kepada tiga peringkat, iaitu analisis KK ni'ma dan bi'sa, analisis jenis pelaku dan analisis subjek pujian dan celaan. Setiap ayat ni'ma dan bi'sa akan dinyatakan nama surah dan nombor ayat. Penulis tidak memasukkan terjemahan ayat-ayat al-Quran yang dianalisis kerana ia boleh mengganggu tumpuan. Sila rujuk bahagian lampiran untuk mendapatkan terjemahan lengkap bagi setiap ayat.

3.1 Ayat-Ayat Al-Quran Yang Mengandungi KK Ni'ma Dan Bi'sa

Berdasarkan pemerhatian terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengandungi KK ni'ma dan bi'sa, penulis mendapati bahawa KK pujian ni'ma telah disebut sebanyak 18 kali dalam 16 ayat al-Quran ('Abdul Ba:qi:,1994:880). Terdapat dua ayat di mana KK ni'ma telah disebut sebanyak dua kali. Manakala KK celaan bi'sa pula telah disebut sebanyak 40 kali dalam 39 ayat di mana terdapat satu ayat yang mengandungi dua KK tersebut ('Abdul Ba:qi:,1994:144). Sila rujuk Lampiran 1 dan 3 untuk pendetailan semua ayat al-Quran yang mengandungi KK ni'ma dan bi'sa.

3.2 Analisis Pola KK Ni'ma Dan Bi'sa Dalam Al-Quran

Telah dinyatakan dalam subtopik 2.6 bahawa KK ni'ma dan bi'sa boleh dibaca dalam 4 pola yang berbeza, iaitu,

- 1) Pola Fa'ila (فَعِلَ) – (نَعِمَ) dan (بِئْسَ).
- 2) Pola Fi'la (فَعِلَ) – (نَعِمَ) dan (بِئْسَ).
- 3) Pola Fa'la (فَعِلَ) – (نَعِمَ) dan (بِئْسَ).
- 4) Pola Fi'ila (فَعِلَ) – (نَعِمَ) dan (بِئْسَ).

Berdasarkan pemerhatian terhadap ayat-ayat ni'ma, penulis mendapati dua pola KK ni'ma disebut dalam al-Quran, iaitu dalam pola fi'la dan fi'ila. Terdapat 14 ayat pujian dalam pola fi'la atau ni'ma. Berikut adalah contoh-contoh ayat tersebut.

- Surah al-Anfa:l ayat 40.

وَإِنْ تَوَلَّوْا فَاَعْلَمُوْا اَنَّ اللّٰهَ مَوْلٰىكُمْ نِعَمَ الْمَوْلٰى وَنِعَمَ النَّصِيْرُ ﴿٤٠﴾

- Surah al-Hajj ayat 78.

فَاَقِيْمُوا الصَّلٰوةَ وَءَاتُوا الزَّكٰوةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللّٰهِ هُوَ مَوْلٰىكُمْ فَنِعَمَ الْمَوْلٰى وَنِعَمَ النَّصِيْرُ ﴿٧٨﴾

- Surah Şa:d ayat 30.

وَوَهَبْنَا لِذَاوُدَ سُلَيْمٰنَ نِعَمَ الْعَبْدِ إِنَّهٗ رَءُوْبٌ ﴿٣٠﴾

- Surah al-Dha:riya:t ayat 48.

وَالْأَرْضَ فَرَشْنٰهَا فَنِعَمَ الْمَهْدُوْنَ ﴿٤٨﴾

Sila rujuk Lampiran 1 untuk mengenalpasti semua ayat al-Quran dalam pola ini.

Manakala bilangan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi KK pujian dalam pola fi‘ila atau ni‘ima pula hanya dua ayat sahaja. Ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut.

- Surah al-Baqaraṭ ayat 271.

إِنْ تَبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ ۖ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۚ وَيُكَفِّرُ عَنْكُم مِّن سَيِّئَاتِكُمْ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٧١﴾

- Surah al-Nisa:’ ayat 58.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Bagi ayat-ayat celaan pula, kesemua 39 ayat al-Quran yang mengandungi KK bi’sa adalah dalam pola fi‘la atau bi’sa (‘Uḍaymat, 1972:10/343). Berikut adalah contoh-contoh ayat tersebut .

- Surah al-Baqaraṭ ayat 126.

وَإِذْ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

- Surah al-Baqaraṭ ayat 206.

وَإِذَا قِيلَ لَهُ اتَّقِ اللَّهَ أَخَذَتْهُ الْعِزَّةُ بِالْإِثْمِ ۖ فَحَسْبُهُ جَهَنَّمُ وَلَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿٢٠٦﴾

- Surah A:li ‘Imra:n ayat 12.

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ ۖ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٢﴾

- Surah al-Ma:’idaṭ ayat 79.

كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Sila rujuk Lampiran 3 untuk mengenalpasti semua ayat al-Quran dalam pola ini.

3.3 Analisis Pelaku KK Ni'ma Dan Bi'sa Dalam Al-Quran

Pelaku ni'ma dan bi'sa terbahagi kepada dua jenis (sila rujuk subtopik 2.11), iaitu,

- 1) Pelaku yang tersurat.
- 2) Pelaku yang tersembunyi.

3.3.1 Pelaku Yang Tersurat.

Pelaku ni'ma dan bi'sa jenis tersurat hanya boleh terdiri daripada KN-KN berikut.

- 1) KN ma'rifaṭ dengan alif dan la:m.
- 2) KN muḍa:f kepada KN ma'rifaṭ dengan alif dan la:m.
- 3) KN relatif.

3.3.1.1 Analisis Pelaku Ni'ma Dan Bi'sa Jenis KN Ma'rifaṭ Dengan Alif

Dan La:m

Seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa terdapat 16 ayat pujian ni'ma dan 39 ayat celaan bi'sa di dalam al-Quran. Daripada jumlah tersebut, 9 pelaku ni'ma dan 10 pelaku bi'sa adalah terdiri dari jenis KN ma'rifaṭ dengan alif dan la:m. Pelaku-pelaku ni'ma dari jenis KN ma'rifaṭ dengan alif dan la:m adalah seperti berikut.

- 1) Perkataan (الْوَكِيلُ) maksudnya pengurus - 1 ayat.
- 2) Perkataan (الْمَوْلَى) maksudnya pelindung - 2 ayat.
- 3) Perkataan (النَّصِيرُ) maksudnya penolong - 2 ayat.
- 4) Perkataan (النَّوَابُ) maksudnya balasan atau ganjaran - 1 ayat.

- 5) Perkataan (الْمُجِيبُونَ) maksudnya yang mengkabulkan doa - 1 ayat.
- 6) Perkataan (الْعَبْدُ) maksudnya hamba - 2 ayat.
- 7) Perkataan (الْمَاهِدُونَ) maksudnya yang menghamparkan - 1 ayat.
- 8) Perkataan (الْقَادِرُونَ) maksudnya yang berkuasa menentukan sesuatu – 1 ayat.
- 9) Perkataan (مَا) maksudnya ‘sesuatu’ (الشَّيْءُ) atau (شَيْئًا) - 1 ayat.

Berikut adalah ayat-ayat ni‘ma dengan pelakunya seperti di atas.

- 1) Perkataan (الْوَكِيلُ) - 1 ayat sahaja.

- Surah A:li ‘Imra:n ayat 173.

وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

- 2) Perkataan (الْمَوْلَى) - 2 ayat.

- Surah al-Anfa:l ayat 40.

وَإِنْ تَوَلَّوْا فَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَوْلَكُمْ نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٤٠﴾

- Surah al-Hajj ayat 78.

فَأَقِمْوَا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

- 3) Perkataan (النَّصِيرُ) - 2 ayat.

Sila rujuk dua dua ayat di atas.

- 4) Perkataan (الثَّوَابُ) - satu ayat sahaja.

- Surah al-Kahf ayat 31.

نِعْمَ الثَّوَابُ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٣١﴾

5) Perkataan (الْمُجِيبُونَ) - satu ayat sahaja.

- Surah al-Şa:ffa:t ayat 75.

وَلَقَدْ نَادَيْنَا نُوحًا فَلَنِعْمَ الْمُجِيبُونَ ﴿٧٥﴾

6) Perkataan (الْعَبْدُ) - 2 ayat sahaja.

- Surah Şa:d ayat 30.

وَوَهَبْنَا لِذَاوُدَ سُلَيْمَانَ نِعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٣٠﴾

- Surah Şa:d ayat 44.

وَحُذِّبِيكَ ضَعْفًا فَأَضْرِبْ بِهِ وَلَا تَحْنُثِي إِنََّّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا نِعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٤٤﴾

7) Perkataan (الْمَاهِدُونَ) - 1 ayat sahaja.

- Surah al-Dha:riya:t ayat 48.

وَالْأَرْضَ فَرَشْنَاهَا فَنِعْمَ الْمَاهِدُونَ ﴿٤٨﴾

8) Perkataan (الْقَادِرُونَ) - 1 ayat sahaja.

- Surah al-Mursala:t ayat 23.

فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ الْقَادِرُونَ ﴿٢٣﴾

9) Terdapat satu ayat ni‘ma yang mana selepasnya terdapat perkataan ma:. Ma: ini bukanlah ma: KN relatif tetapi ma: yang membawa maksud ‘sesuatu’. Penulis memasukkan ma: ni bersama pelaku jenis KN ma‘rifat dengan alif dan la:m kerana salah satu pandangan sarjana sintaksis menyatakan bahawa maknanya ialah ‘sesuatu’ (الشَّيْءُ), iaitu perkataan KN ma‘rifat dengan alif dan la:m. Walaubagaimanapun terdapat pandangan lain yang menyatakan bahawa ia

adalah KN nakirat (شَيْئًا). Berikut adalah analisis bagi ayat tersebut berdasarkan pandangan-pandang tersebut serta i‘ra:b-i‘ra:bnya.

- Firman Allah swt dalam surah al-Baqaraṭ ayat 271.

إِنْ تَبَدُّوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ ^ط وَإِنْ تَخْفَوْهَا وَتُوْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ^ج وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ ^ل وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ^{٢٧١}

Analisis ayat

- a) Ma: adalah KN ma‘rifat sempurna yang bermaksud ‘sesuatu’ (الشَّيْءُ) -
iaitu KN ma‘rifat dengan alif dan la:m. Ia dii‘ra:b sebagai **pelaku**. KN selepasnya adalah adalah muftada’ mu‘akkhar dan merupakan subjek pujian (subjek pujian dan celaan akan dihurai dalam subtopik 3.10). Ayat di atas dita’wi:l seperti berikut.

فَنِعِمَّا هِيَ ← فَنِعَمَ الشَّيْءُ هِيَ

Maksudnya: Ia adalah sebaik-baik sesuatu.

Pendapat ini disokong oleh Si:bawayh, al-Mubarrad, Ibn al-Sira:j, al-Fa:risiyy dan al-Farra:’(Sami:r Basyu:ni:,2004:1/119).

- b) Ma: adalah KN nakirat yang bermaksud ‘sesuatu’ (شَيْئًا). Ia dii‘ra:b sebagai **tamyi:z**. Pelakunya ialah KGND tersembunyi iaitu (هُوَ). KN tunggal selepas ayat ma: dii‘ra:b sebagai muftada’ mu‘akkhar dan merupakan subjek pujian. Shawqi: Dayf (1982:192) adalah ahli bahasa masa kini yang berpegang dengan pendapat ini.

Setelah meneliti kedua-dua pandangan di atas penulis amat cenderung dengan pandangan pertama iaitu ma: adalah KN ma‘rifat dengan alif dan la:m (الشَّيْءُ). Ia lebih mudah dii‘ra:b dan tidak perlu dita’wi:l panjang.

Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat 10 pelaku bi'sa dari jenis KN ma'rifat dengan alif dan la:m yang terdapat di dalam al-Quran. KN-KN tersebut adalah seperti berikut.

- 1) Perkataan (المَصِيرُ) maksudnya tempat kembali - 11 ayat.
- 2) Perkataan (المِهَادُ) maksudnya tempat tinggal - 5 ayat.
- 3) Perkataan (الْوَرْدُ) maksudnya tempat yang dimasuki - 1 ayat.
- 4) Perkataan (الرِّفْدُ) maksudnya pemberian - 1 ayat.
- 5) Perkataan (الْقَرَارُ) maksudnya tempat tetap - 2 ayat.
- 6) Perkataan (الشَّرَابُ) maksudnya minuman - 1 ayat.
- 7) Perkataan (المَوْلَى) maksudnya pelindung - 1 ayat.
- 8) Perkataan (العَشِيرُ) maksudnya sahabat karib - 1 ayat.
- 9) Perkataan (الْقَرِينُ) maksudnya teman - 1 ayat.
- 10) Perkataan (الاسْمُ) maksudnya nama - 1 ayat.

Berikut adalah ayat-ayat bi'sa yang mana pelakunya adalah seperti di atas.

- 1) Perkataan (المَصِيرُ) - 11 ayat.

- Surah al-Baqarat ayat 126.

قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

- Surah A:li 'Imra:n ayat 162.

أَفَمِنْ أَتْبَعِ رِضْوَانِ اللَّهِ كَمَنْ بَاءَ بِسَخَطٍ مِّنَ اللَّهِ وَمَا أَوْلَهُ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾

- Surah al-Anfa:l ayat 16.

فَقَدْ بَاءَ بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَمَا أَوْلَهُ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

- Surah al-Tawbat ayat 73.

يَأْتِيهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَا أَوْلَهُمْ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٧٣﴾

- Surah al-Hajj ayat 72.

قُلْ أَفَأُنَبِّئُكُم بِشَرِّ مِّنْ ذَٰلِكُمُ النَّارُ وَعَدَهَا اللَّهُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَيَبْسُ الْمَصِيرُ ﴿٧٢﴾

- Surah al-Nu:r ayat 57.

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَأْوَهُمُ النَّارُ وَلَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٥٧﴾

- Surah al-Hadi:d ayat 15.

فَالْيَوْمَ لَا يُؤْخَذُ مِنْكُمْ فِدْيَةٌ وَلَا مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مَأْوُكُمُ النَّارُ هِيَ مَوْلَاكُمْ وَيَبْسُ الْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

- Surah al-Muja:dalat ayat 8.

فِي أَنْفُسِهِمْ لَوْلَا يُعَذِّبُنَا اللَّهُ بِمَا نَقُولُ حَسْبُهُمْ جَهَنَّمُ يَصْلَوْنَهَا فَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٨﴾

- Surah al-Tagha:bun ayat 10.

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا وَيَبْسُ الْمَصِيرُ ﴿١٠﴾

- Surah al-Tahri:m ayat 9.

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَهُمْ جَهَنَّمُ وَيَبْسُ الْمَصِيرُ ﴿٩﴾

- Surah al-Mulk ayat 6.

وَلِلَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَيَبْسُ الْمَصِيرُ ﴿٦﴾

2) Perkataan (المِهَادُ) - 5 ayat.

- Surah al-Baqarat ayat 206.

وَإِذَا قِيلَ لَهُ اتَّقِ اللَّهَ أَخَذَتْهُ الْعِزَّةُ بِالْإِثْمِ فَحَسْبُهُ جَهَنَّمُ وَلَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿٢٠٦﴾

- Surah A:li 'Imra:n ayat 12.

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَيَبْسُ الْمِهَادُ ﴿١٢﴾

- Surah A:li 'Imra:n ayat 197.

مَتَّعَ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوُهُمْ جَهَنَّمُ وَيَبْسُ الْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾

- Surah al-Ra'd ayat 18.

أُولَٰئِكَ هُمْ سُوءُ الْحِسَابِ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَيُثَسَّ إِلَيْهَا ۖ

- Surah Sa:d ayat 55.

هَٰذَا وَإِنَّ لِلطَّٰغِيْنَ لَشَرَّ مَقَابٍ ۖ جَهَنَّمُ يَصَلَوْنَهَا فَيُثَسَّ إِلَيْهَا ۖ

- 3) Perkataan (الْوَرْدُ) - 1 ayat sahaja.

- Surah Hu:d ayat 98.

يَقْدُمُ قَوْمَهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فَأَوْرَدَهُمُ النَّارَ وَيُثَسَّ الْوَرْدُ الْمَوْرُودُ ۖ

- 4) Perkataan (الرَّفْدُ) - 1 ayat sahaja.

- Surah Hu:d ayat 99.

وَاتَّبِعُوا فِي هَٰذِهِ لَعْنَةً وَيَوْمَ الْقِيَمَةِ يَثَسَّ الرَّفْدُ الْمَرْفُودُ ۖ

- 5) Perkataan (الْقَرَارُ) - 2 ayat sahaja.

- Surah Ibra:hi:m ayat 29.

جَهَنَّمُ يَصَلَوْنَهَا وَيُثَسَّ الْقَرَارُ ۖ

- Surah Sa:d ayat 60.

قَالُوا بَلْ أَنْتُمْ لَا مَرْحَبًا بِكُمْ أَنْتُمْ قَدْ مَتَمُّوهُ لَنَا فَيُثَسَّ الْقَرَارُ ۖ

- 6) Perkataan (الشَّرَابُ) - 1 ayat sahaja.

- Surah al-Kahf ayat 29.

وَإِنْ يَسْتَغِيثُوا يُغَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَشْوِي الْوُجُوهَ يَثَسَّ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا ۖ

7) Perkataan (المَوْلَى) - 1 ayat sahaja.

- Surah al-Hajj ayat 13.

يَدْعُوا لِمَنْ ضَرُّهُ أَقْرَبُ مِنْ نَفْعِهِ ۚ لَبِئْسَ الْمَوْلَىٰ وَلَبِئْسَ الْعَشِيرُ ﴿١٣﴾

8) Perkataan (العَشِيرُ) - 1 ayat sahaja.

Lafaz ini juga disebut sekali sahaja iaitu dalam surah dan ayat seperti di atas.

9) Perkataan (الْقَرَيْنُ) - 1 ayat sahaja.

- Surah al-Zukhruf ayat 38.

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَنَا قَالَ يَلَيْتَ بَيْنِي وَبَيْنَكَ بُعْدَ الْمَشْرِقَيْنِ فَبِئْسَ الْقَرَيْنُ ﴿٣٨﴾

10) Perkataan (الْإِسْمُ) - 1 ayat sahaja.

- Surah al-Hujurat ayat 11.

بِئْسَ الْإِسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ ۚ وَمَنْ لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

3.3.1.2 Analisis Pelaku Ni'ma Dan Bi'sa Jenis KN Muḍa:f Kepada KN

Ma'rifaṭ Dengan Alif Dan La:m

Berdasarkan pengamatan penulis terhadap ayat-ayat ni'ma penulis mendapati hanya 3 bentuk rangkaikata jenis KN muḍa:f Kepada KN ma'rifaṭ dengan alif dan la:m yang menjadi pelakunya. Tiga bentuk rangkaikata tersebut adalah seperti berikut.

- 1) (أَجْرُ الْعَامِلِينَ) maksudnya balasan atau ganjaran bagi orang yang beramal soleh - 3 ayat.

- 2) (عُقْبَى الدَّارِ) maksudnya balasan terhadap amal yang dilakukan di dunia dahulu - 1 ayat.
- 3) (دَارُ الْمُتَّقِينَ) maksudnya negeri bagi orang-orang yang bertakwa – 1 ayat.

Berikut adalah ayat-ayat ni'ma yang mana pelakunya adalah seperti di atas.

- 1) Rangkaikata (أَجْرُ الْعَامِلِينَ) - 3 ayat.

- Surah A:li 'Imra:n ayat 136.

أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَجَنَّاتُ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَنِعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ ﴿١٣٦﴾

- Surah al-'Ankabu:t ayat 58.

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَنُبَوِّئَنَّهُمْ مِنَ الْجَنَّةِ غُرَفًا تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا نِعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ ﴿٥٨﴾

- Surah al-Zumar ayat 74.

وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي صَدَقَنَا وَعْدَهُ وَأَوْرَثَنَا الْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنَ الْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَاءُ ۖ فَنِعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ ﴿٧٤﴾

- 2) Rangkaikata (عُقْبَى الدَّارِ) – 1 ayat sahaja.

- Surah al-Ra'd ayat 24.

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾

- 3) Rangkaikata (دَارُ الْمُتَّقِينَ) – 1 ayat sahaja.

لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعْمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ ﴿٢٥﴾

Setelah menilai ayat-ayat bi'sa di dalam al-Quran penulis mendapati 3 jenis rangkai kata jenis KN muḍa:f dan muḍa:f ilayh ma'rifaṭ dengan alif dan la:m yang menjadi pelaku bi'sa. Ketiga-tiga rangkai kata itu adalah seperti berikut.

- 1) (مَثْوَى الظَّالِمِينَ) maksudnya tempat tinggal bagi orang-orang zalim - 1 ayat.
- 2) (مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ) maksudnya tempat bagi orang-orang sombong takbur - 3 ayat.
- 3) (مَثَلُ الْقَوْمِ) maksudnya perumpamaan kaum - 1 ayat.

Ayat-ayat bi'sa yang mana pelakunya seperti di atas adalah seperti berikut .

- 1) Rangkai kata (مَثْوَى الظَّالِمِينَ) - 1 ayat sahaja.

- Surah A:li 'Imra:n ayat 151.

سَنُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ بِمَا أَشْرَكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا
وَمَا لَهُمْ النَّارُ وَبِئْسَ مَثْوَى الظَّالِمِينَ ﴿١٥١﴾

- 2) Rangkai kata (مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ) - 3 ayat.

- Surah al-Nahl ayat 29.

فَادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا فَبِئْسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٢٩﴾

- Surah al-Zumar ayat 72.

قِيلَ ادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا فَبِئْسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٢﴾

- Surah al-Gha:fir atau al-Mu'min ayat 76.

ادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا فَبِئْسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

3) Rangkaikata (مَثَلُ الْقَوْمِ) - 1 ayat sahaja.

- Surah al-Jumu'at ayat 5.

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا ۚ بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ ۚ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾

3.3.1.3 Analisis Pelaku Ni'ma Dan Bi'sa Jenis KN Relatif

Berdasarkan pengamatan terhadap ayat-ayat ni'ma dan bi'sa penulis telah menemui 1 ayat ni'ma dan 9 ayat bi'sa yang mana terdapat ma: relatif selepasnya. Ma: dalam ayat-ayat ini dii'ra:b sebagai pelaku. Ada sesetengah pandangan mengi'ra:bnya sebagai subjek pujian atau celaan.

Walaubagaimanapun, terdapat pandangan lain di kalangan para sarjana sintaksis bahasa Arab berkaitan dengan status ma: ini. Ada sesetengah daripada mereka mendakwa ma: tersebut bukan KN relatif tetapi KN ma'rifaṭ yang membawa maksud 'sesuatu' (الشَّيْءُ). Ia juga dii'ra:b sebagai pelaku ni'ma dan bi'sa. Yang lain pula mendakwa ia adalah KN nakirat yang juga bermaksud 'sesuatu' (شَيْئًا). Mereka mengi'ra:bnya sebagai tamiy:z.

Berikut adalah contoh i'ra:b bagi ayat-ayat ni'ma dan ayat bi'sa berdasarkan semua pandangan di atas.

- Surah al-Nisa: ayat 58.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

- Surah surah al-Baqaraṭ ayat 90.

بِئْسَمَا اشْتَرَوْا بِهِمْ أَنْفُسَهُمْ أَنْ يَكْفُرُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ بَغْيًا أَنْ يَنْزِلَ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۖ فَبَاءٌ وَبِعْضٍ عَلَىٰ غَضَبٍ ۖ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُهِينٌ ﴿٩٠﴾

Analisis ayat

- 1) Ma: dalam ayat di atas adalah KN relatif yang bermaksud ‘yang’ dan dii‘ra:b sebagai **pelaku** (Dr ‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:btiyy,1992:1/298). Manakala ayat selepasnya dii‘ra:b sebagai ṣillaṭnya (penghubungnya). Subjek pujian atau celaan telah dihapuskan dari ayat dan perlu dita’wi:l berdasarkan petunjuk-petunjuk tertentu. Ayat di atas dita’wi:l seperti berikut .

نِعْمَ الَّذِي يَعِظُكُمْ بِهِ	←	نِعْمًا يَعِظُكُمْ بِهِ
بِئْسَ الَّذِي اشْتَرَوْا	←	بِئْسَ مَا اشْتَرَوْا

Pendapat ini disokong oleh beberapa sarjana bahasa seperti al-Farra:’, al-Kisa:’iyy dan al-Fa:risiyy (Sami:r Basyu:ni:,2004,1/118). Ahli sarjana terkini yang berpegang dengan pandangan ini ialah Shawqi: Ḍayf (1982:192).

- 2) Ma: tersebut adalah KN relatif yang bermaksud ‘yang’ dan dii‘ra:b sebagai **subjek pujian dan celaan**. Ayat selepasnya adalah ṣillaṭnya. Pelaku ni‘ma dan bi’sa adalah KGND tersembunyi. Terdapat satu lagi ma: yang terletak selepas KGND tersebut tetapi telah dihapuskan dari ayat. Ia dii‘ra:b sebagai tamiy:i:z. Berdasarkan pandangan ini kedua-dua ayat di atas dita’wi:l seperti berikut .

نِعْمَ (هُوَ) (مَا- شَيْئًا) الَّذِي يَعِظُكُمْ بِهِ	←	نِعْمًا يَعِظُكُمْ بِهِ
بِئْسَ (هُوَ) (مَا- شَيْئًا) الَّذِي اشْتَرَوْا	←	بِئْسَ مَا اشْتَرَوْا

Cara i'ra:b ini agak rumit dan mengelirukan. Tambahan pula apabila terdapat dua perkataan yang disembunyikan dari ayat. Penulis tidak melihat ini sebagai salah satu pilihan ketika menganalisis ayat-ayat pujian dan celaan.

- 3) Ma: adalah KN nakiraṭ yang bermaksud 'sesuatu' (شَيْئًا) dan dii'ra:b sebagai **tamyi:z**. Ayat selepasnya dii'ra:b sebagai sifatnya. Pelaku dalam ayat tersebut ialah KGND tersembunyi. Subjek pujian dan celaan boleh dizahirkan atau dibuang dari ayat (Sami:r Basyu:ni:,2004:1/121). Pendapat ini disokong oleh al-Akhfash, al-Zajj:aj dan al-Zamakhshariyy (Sami:r Basyu:ni:,2004:1/119).

Berdasarkan pandangan ini kedua-dua ayat di atas dita'wi:l seperti berikut.

نَعَمْ (هُوَ) شَيْئًا يَعِظُكُمْ بِهِ	←	نَعِمًا يَعِظُكُمْ بِهِ
بِئْسَ (هُوَ) شَيْئًا اشْتَرَوْا	←	بِئْسَ مَا اشْتَرَوْا

Setelah menganalisis pandangan-pandangan di atas penulis cenderung kepada pandangan pertama yang menyatakan bahawa ma: tersebut adalah KN relatif dan dii'ra:b sebagai pelaku kepada ni'ma dan bi'sa. Pandangan tersebut lebih mudah difahami dan tidak mengelirukan. Analisis ayat-ayat seterusnya akan dilakukan berpandukan pandangan tersebut.

Ayat ni'ma yang mana pelakunya adalah ma: relatif hanya satu ayat sahaja di dalam al-Quran iaitu surah al-Nisa:' ayat 58. Ayat tersebut telah dijadikan contoh dalam analisis di atas. Penulis telah menghurai jenis-jenis i'ra:b yang boleh digunakan untuk ayat ini. Jadi, penulis melihat tiada keperluan untuk mengulangi i'ra:b ayat ini.

Terdapat 9 ayat bi'sa di mana ma: relatif adalah pelakunya. Berikut adalah analisis ayat-ayat tersebut.

1) Surah al-Baqaraṭ ayat 90.

Ayat ini juga telah dijadikan contoh dalam analisis di atas. Penulis telah menghurai pandangan-pandangan sarjana sintaksis tentang status i'ra:bnya. Oleh itu tiada keperluan untuk mengulangi i'ra:b ayat ini.

2) Surah al-Baqaraṭ ayat 93.

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَسْمِعُوا^ط قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ^ع قُلْ بِئْسَمَا يَأْمُرُكُمْ بِهِ^ع إِنَّ إِيْمَانَكُمْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾

Analisis ayat

(بئس) KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. (ما) KN relatif iaitu pelaku kepada bi'sa. Ayat (يَأْمُرُكُمْ بِهِ^ع إِيْمَانَكُمْ) adalah şillatnya .

3) Surah al-Baqaraṭ ayat 102.

وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ^ع أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

Analisis ayat

(بئس) KK kala lampau ja:mid yang mengandungi maksud celaan. (ما) KN relatif iaitu pelaku kepada bi'sa. (شَرَوْا بِهِ^ع أَنْفُسَهُمْ) adalah şillatnya.

- 4) Surah ‘A:li ‘Imra:n ayat 187.

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ
وَاشْتَرَوْا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ فَبَيَّسَ مَا يَشْتَرُونَ ﴿١٨٧﴾

Analisis ayat

(بَيَّسَ) KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. (مَا) KN relatif
iaitu pelaku kepada bi’sa. Ayat (يَشْتَرُونَ) adalah şillaṭnya.

- 5) Surah al-Ma:’idaṭ ayat 62.

وَتَرَى كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسْرِعُونَ فِي الْأَثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٦٢﴾

Analisis ayat

(بَيَّسَ) KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. (مَا) KN relatif
iaitu pelaku kepada bi’sa. Ayat (كَانُوا يَفْعَلُونَ) adalah şillaṭnya.

- 6) Surah al-Ma:’idaṭ ayat 63.

لَوْلَا يَنهَاهُمُ الرَّبَّيُّونَ وَالْأَحْبَارُ عَنْ قَوْلِهِمُ الْأَثْمَ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتَ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا
يَصْنَعُونَ ﴿٦٣﴾

Analisis ayat

(بَيَّسَ) KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. (مَا) KN relatif
iaitu pelaku kepada bi’sa. Ayat (كَانُوا يَصْنَعُونَ) adalah şillaṭnya.

- 7) Surah al-Ma:’idaṭ ayat 79.

كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُكْرِ فَعْلُوهُ ۚ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Analisis ayat

(بِسْ) KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. (مَا) KN relatif
iaitu pelaku kepada bi'sa. Ayat (كَانُوا يَفْعَلُونَ) adalah şillaṭnya.

- 8) Surah al-Ma'idah ayat 80.

تَرَىٰ كَثِيرًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَّوْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَبِئْسَ مَا قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنفُسُهُمْ أَن سَخِطَ اللَّهُ
عَلَيْهِمْ فِي الْعَذَابِ هُمْ خَالِدُونَ ﴿٨٠﴾

Analisis ayat

(بِسْ) KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. (مَا) KN relatif
iaitu pelaku kepada bi'sa. Ayat (قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنفُسُهُمْ) adalah şillaṭnya.

- 9) Surah al-A'raf ayat 150.

وَلَمَّا رَجَعَ مُوسَىٰ إِلَىٰ قَوْمِهِ غَضْبَانَ أَسِفًا قَالَ بِئْسَمَا خَلَفْتُمُونِي مِنْ بَعْدِي ۖ أَعْجَلْتُمُ أَمْرَ
رَبِّكُمْ وَأَلْقَى الْأَلْوَاحَ وَأَخَذَ بِرَأْسِ أَخِيهِ يَجُرُّهُ إِلَيْهِ ۚ قَالَ ابْنَ أُمَّ إِنَّ الْقَوْمَ اسْتَضَعُّفُونِي وَكَادُوا
يَقْتُلُونَنِي فَلَا تُشْمِتْ بِيَ الْأَعْدَاءَ وَلَا تَجْعَلْنِي مَعَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿١٥٠﴾

Analisis ayat

(بِسْ) KK kala lampau ja:mid yang mengandung maksud celaan. (مَا) KN relatif
iaitu pelaku kepada bi'sa. Ayat (خَلَفْتُمُونِي) adalah şillaṭnya..

3.3.2 Analisis Pelaku Ni'ma Dan Bi'sa Yang Tersembunyi

Penulis telah menerangkan tentang pelaku ni'ma dan bi'sa yang tersembunyi dalam
subtopik 2.11.2. Berdasarkan penyelidikan terhadap ayat-ayat ni'ma dan bi'sa di dalam

al-Quran penulis hanya menjumpai satu ayat sahaja - iaitu ayat bi'sa - yang mana pelakunya telah disembunyikan dari struktur ayat. Berikut adalah ayat tersebut.

- Surah al-Kahf ayat 50 :

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ ۖ
أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾

Analisis ayat

Dalam ayat di atas pelaku bi'sa adalah KGND tersembunyi iaitu (هُوَ). Manakala perkataan (بَدَلًا) adalah tamiy:z yang mentafsir pelaku. Bentuk asal ayat di atas adalah seperti berikut.

بِئْسَ الْبَدَلُ لِلظَّالِمِينَ بَدَلُهُمْ

Terdapat satu pandangan yang menyatakan bahawa pelaku ni'ma dan bi'sa juga tersembunyi jika selepasnya terdapat perkataan ma:. Penulis telah menerangkan perkara ini dalam subtopik 3.3.1.3.

3.4 Analisis Subjek Pujian Dan Celaan Dalam Ayat Ni'ma Dan Bi'sa

Penulis telah menerangkan dalam bab 2.12 bahawa subjek pujian dan celaan terbahagi kepada dua jenis, iaitu,

- 1) Yang tersurat (الْمَذْكُورُ) iaitu yang disebut dalam struktur ayat.
- 2) Yang dihapuskan (الْمَحذُوفُ) iaitu yang dibuang dari struktur ayat.

Terdapat 4 pandangan sarjana nahu Arab tentang i'ra:b subjek pujian dan celaan. Berikut adalah pandangan-pandangan tersebut.

- 1) Ia dii'ra:b sebagai mubtada' mu'akkhar. Khabar muqaddam adalah KK ni'ma dan bi'sa serta pelakunya (Al-Jurja:niyy,t.t:1/365).
- 2) Ia dii'ra:b sebagai khabar manakala mubtada' pula dihapuskan. Ia dita'wi:l sebagai (هُوَ) atau (هِيَ) atau lain-lain perkataan berdasarkan maksud ayat.
- 3) Ia dii'ra:b sebagai mubtada' manakala khabarnya telah dihapuskan. Ia dita'wi:l sebagai (الْمَذْمُومُ) atau (الْمَذْمُوحُ) (Sami:r Basyu:ni:,2004:1/123).
- 4) Ia dii'ra:b sebagai badal kepada pelakunya ('Abba:s Hasan,1976:3/379).

Untuk menganalisis subjek pujian dan celaan dalam ayat-ayat ni'ma dan bi'sa penulis akan menggunakan pandangan pertama sebagai asas menganalisis ayat-ayat tersebut. Ini kerana ia lebih masyhur di kalangan para sarjana sintaksis bahasa Arab. Berikut adalah analisis bagi setiap jenis subjek pujian dan celaan. dalam ayat-ayat ni'ma dan bi'sa.

3.4.1 Analisis Subjek Pujian Dan Celaan Jenis Tersurat

Berdasarkan pengamatan terhadap ayat-ayat ni'ma di dalam al-Quran, penulis mendapati hanya satu ayat sahaja di mana subjeknya adalah dari jenis tersurat atau dinyatakan dalam struktur ayat. Subjek tersebut ialah subjek pujian - iaitu sedekah. Manakala dalam ayat-ayat bi'sa pula hanya terdapat 3 ayat sahaja di mana subjek celaan adalah jenis tersurat atau disebut secara terang dalam struktur ayat. Subjek-subjek celaan tersebut adalah seperti berikut.

- 1) Gelaran fasik.
- 2) Kesan mendapat kemurkaan Allah swt.
- 3) Perbuatan mengingkari apa yang diturunkan oleh Allah swt.

Berikut adalah analisis bagi ayat-ayat tersebut.

3.4.1.1 Analisis Subjek Pujian Tersurat Dalam Ayat Ni'ma

Subjek Pujian Dalam Ayat : Sedekah

- Surah al-Baqaraṭ ayat 271.

إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ ^ط وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ^ع وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ ^ق وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٧١﴾

Analisis ayat

Maḥmuḍ al-Ṣa:fi: (1998:2/63) menyatakan bahawa subjek pujian dalam ayat ini adalah KGND feminin iaitu (هي). Ia dii'ra:b sebagai mu'tada' mu'akkhar. Khabarnya ialah ayat sebelumnya iaitu (نعِمًا).

Terdapat satu ayat yang menjadi perselisihan antara para sarjana tentang jenis subjek pujian sama ada tersurat atau dihapuskan. Berikut adalah ayat tersebut.

- surah al-Naḥl ayat 30-31.

لِّلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ ^ع قَالُوا خَيْرًا ^ط لِّلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ ^ع وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعَمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٠﴾ جَنَّتٌ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا يُجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ^ط هُمْ فِيهَا مَا يَشَاءُونَ ^ع كَذَلِكَ تَجْزِي اللَّهُ الْمُتَّقِينَ ﴿٣١﴾

Analisis ayat

Menurut Abu: Ḥayya:n (‘Uḍaymat,1972:10/343) subjek pujian dalam ayat di atas ialah (جَنَّاتُ عَدْنٍ). Tetapi al-Zamakhshariyy dan al-Darwi:sh (1999:4/240) berpendapat bahawa subjek pujian telah dihapuskan. Penulis cenderung dengan pandangan al-Zamakhshariyy. Sila rujuk subtopik 3.4.2 - subjek pujian dan celaan yang dihapuskan dari ayat.

3.4.1.2 Analisis Subjek Celaan Tersurat Dalam Ayat-Ayat Bi’sa

1) Subjek Celaan Dalam Ayat : Gelaran Fasik.

- Surah al-Ḥujura:t ayat 11

وَلَا تَلْمِزُوا أَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِالْأَلْقَابِ بِئْسَ الْأَتْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَّمْ
يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Analisis ayat

Rangkaikata (بئسَ الاسمُ) adalah khabar muqaddam. Manakala subjek celaan dalam ayat ialah perkataan (الْفُسُوقُ) iaitu fasik. Ia dii’ra:b sebagai mu’tada’ mu’akkhar (Darwi:sh,1999:7/253).

2) Subjek Celaan Dalam Ayat : Kesan Mendapat Kemurkaan Allah swt.

- Surah al-Ma:’idaṭ ayat 80:

تَرَى كَثِيرًا مِّنْهُمْ يَتَوَلَّوْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَبِئْسَ مَا قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنْفُسُهُمْ أَنْ سَخِطَ
اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَفِي الْعَذَابِ هُمْ خَالِدُونَ ﴿٨٠﴾

Analisis Ayat

Ayat celaan iaitu (بِئْسَ مَا قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنْفُسُهُمْ) adalah khabar muqaddam. Ayat selepasnya iaitu (أَنْ سَخِطَ اللَّهُ) merupakan subjek celaan. Ia dii'ra:b sebagai muftada' mu'akkhar. Ayat di atas dita'wi:l sebagai,

بِئْسَ مَا قَدَّمَتْ لَهُمْ أَنْفُسُهُمْ سَخِطَ اللَّهُ

Maksudnya : Seburuk-buruk apa yang diri mereka sediakan ialah kemurkaan Allah.

Dalam menganalisis ayat ini Darwi:sh (1999:2/280) lebih cenderung untuk menyatakan bahawa ayat kata terbitan (سَخِطَ اللَّهُ) bukan subjek celaan. Tetapi beliau menganalisisnya sebagai muftada' mua'khar. Penulis kurang bersetuju dengan pandangan beliau kerana berdasarkan huraian makna ayat seperti di atas, kata terbitan tersebut adalah subjek celaan.

3) Subjek Celaan Dalam Ayat : Perbuatan Mengingkari Apa Yang Diturunkan Oleh Allah swt.

- Surah al-Baqaraṭ ayat 90.

بِئْسَمَا اشْتَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ أَنْ يَكْفُرُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ بَغْيًا أَنْ يُنَزِّلَ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ عَلَى مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ فَبَاءُوا بِغَضَبٍ عَلَى غَضَبٍ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُهِينٌ ﴿٩٠﴾

Analisis ayat

Situasi ayat celaan di atas adalah sama dengan ayat celaan sebelumnya. Ayat celaan (بِئْسَمَا اشْتَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ) adalah khabar mu'akkhar. Ayat (أَنْ يَكْفُرُوا) merupakan subjek celaan. Ia adalah muftada' muqaddam (Darwi:sh, 1999:1/138). Ayat di atas dita'wi:l sebagai,

بِئْسَمَا اشْتَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ الْكُفْرُ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ

Maksudnya : Seburuk-buruk apa yang mereka beli ialah mengkufuri apa yang Allah turunkan.

‘Udaymat (1972, 10344) ada menyatakan bahawa terdapat satu ayat lagi yang dinyatakan subjek celaan dalam strukturnya. Iaitu dalam surah al-Jumu‘at ayat 5,

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ تَحْمِلُ أَسْفَارًا بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ
الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾

Pendapat beliau ini bertentangan dengan pandangan Darwi:sh (1999,7/521).

Beliau meyatakan bahawa subjek celaan dalam ayat ini dihapuskan. Penulis cenderung dengan pandangan ini. Sila rujuk subtopik berikut untuk mendapatkan huraian lengkap.

3.4.2 Analisis Subjek Pujian Dan Celaan Yang Dihapuskan Dari Ayat

Hakikatnya subjek pujian dan celaan yang dihapuskan dari struktur ayat perlu dita’wi:l berdasarkan petunjuk-petunjuk dalam ayat. Setelah meyelidik beberapa kitab i’ra:b al-Quran penulis mendapati kebanyakan pengarangnya tidak menyatakan dengan jelas tentang i’ra:b subjek pujian dan celaan sebagai muftada’ mu’akkhar serta tidak menyatakan tentang khabar muqaddam. Sedangkan cara i’ra:bnya adalah sama seperti subjek pujian jenis tersurat.

Berikut adalah analisis ayat-ayat ni‘ma dan bi’sa yang mana subjek pujian dan celaannya telah dihapuskan dari ayat. Dalam proses menganalisis ayat-ayat ini, penulis

akan merujuk kitab-kitab i'ra:b al-Quran bagi menerangkan subjek-subjek yang dihapuskan itu.

3.4.2.1 Analisis Subjek Pujian Yang Dihapuskan Dalam Ayat-Ayat Ni'ma

Setelah membuat penelitian terhadap ayat-ayat ni'ma yang terdapat di dalam al-Quran, penulis mendapati bahawa 15 ayat daripada 16 ayat ni'ma telah dihapuskan subjek pujiannya. Terdapat 5 perkara dijadikan subjek pujian dalam ayat-ayat tersebut. Subjek-subjek tersebut adalah seperti berikut.

- i) Allah swt - 6 ayat
- ii) Syurga - 5 ayat
- iii) Para nabi - 2 ayat
- iv) Menunaikan amanah dan berhukum dengan adil - 1 ayat
- v) Alam akhirat - 1 ayat

Berikut adalah analisis ayat-ayat ni'ma yang dilakukan berdasarkan subjek-subjek pujian seperti yang diterangkan di atas.

i) Subjek Pujian Yang Dihapuskan : Allah Swt (6 Ayat).

- 1) Surah A:li 'Imra:n ayat 173.

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا
اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٧٣﴾

Analisis ayat

Subjek pujian dalam ayat di atas telah dihapuskan dari struktur ayat. Ia dita'wi:l sebagai 'Dia' (هُوَ) iaitu Allah swt (Dr Muḥammad Ḥasan Uthma:n,2003:2/370).

Ta'wi:l bagi ayat di atas ialah seperti berikut.

نَعْمَ الْوَكِيلُ هُوَ أَيُّهَا اللَّهُ

Maksudnya: Sebaik-baik pengurus ialah Dia iaitu Allah swt.

- 2) Surah al-Anfa:l ayat 40.

وَإِنْ تَوَلَّوْا فَاَعْلَمُوْا اَنَّ اللّٰهَ مَوْلٰىكُمْ نِعَمَ الْمَوْلٰى وَنِعَمَ النَّصِيْرُ ﴿٤٠﴾

Analisis ayat

Subjek yang dipuji telah dihapuskan dari struktur ayat. Ia dita'wi:l sama seperti ayat di atas iaitu dalam surah A:li 'Imra:n ayat 173.

- 3) Surah al-Ḥajj ayat 78.

فَأَقِمْوْا الصَّلٰوةَ وَآتُوا الزَّكٰوةَ وَاعْتَصِمُوْا بِاللّٰهِ هُوَ مَوْلٰىكُمْ فِى نِعَمِ الْمَوْلٰى وَنِعَمِ النَّصِيْرُ ﴿٧٨﴾

Analisis ayat

Cara analisis ayat ini juga sama seperti analisis surah surah A:li 'Imra:n ayat 173. Sila rujuk Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:9/153) untuk pendetailan.

- 4) Surah al-Ṣa:ffa:t ayat 75.

وَلَقَدْ نَادَيْنَا نُوْحًا فَلْيَنْعَمِ الْمُجِيبُوْنَ ﴿٧٥﴾

Analisis ayat

Subjek pujian yang telah dihapuskan dari ayat ialah 'Kami' (نَحْنُ) iaitu Allah swt (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:, 1992:12/66). Ayat di atas dita'wi:l seperti berikut.

نَعَمْ الْمُجِيبُونَ نَحْنُ أَيُّهَا اللَّهُ

Maksudnya: Sebaik-baik yang mengkabulkan doa permohonan ialah

Kami iaitu Allah swt.

- 5) Surah al-Dha:riya:t ayat 48.

وَالْأَرْضَ فَرَشْنَاهَا فَنِعْمَ الْمَاهِدُونَ ﴿٤٨﴾

Analisis ayat

Cara pentafsiran subjek pujian dalam ayat ini adalah sama seperti surah al-Şa:ffa:t ayat 75. Ia dirujuk kepada Allah swt. Untuk pendetailan boleh dirujuk kepada Maḥmu:d al-Şa:fi: (1998:14/8).

- 6) Surah al-Mursala:t ayat 23.

فَجَعَلْنَاهُ فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿٢٣﴾ إِلَىٰ قَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢٤﴾ فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ الْقَدِيرُونَ ﴿٢٥﴾

Analisis ayat

Subjek pujian telah dihapuskan dari struktur ayat. Ia dirujuk kepada Allah swt. Cara pentafsiran subjek pujian dalam ayat ini juga adalah sama seperti surah al-Şa:ffa:t ayat 75. Sila rujuk kepada Maḥmu:d al-Şa:fi: (1998:15/202).

ii) Subjek Pujian Yang Dihapuskan : Syurga (5 Ayat).

- 1) Surah A:li ‘Imra:n ayat 136.

أُولَٰئِكَ جَزَاؤُهُمْ مَّغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَنِعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ ﴿١٣٦﴾

Analisis ayat

Dr Muḥammad Uthma:n (2003:2/280) telah menta'wi:l subjek pujian yang dihapuskan dari ayat di atas sebagai 'yang telah disebut' (الَّذِي ذُكِرَ).

Berdasarkan petunjuk yang terdapat dalam ayat ini, ia merujuk kepada syurga-syurga. Oleh itu ayat tersebut asalnyā dita'wi:l seperti berikut.

نَعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ الَّذِي ذُكِرَ أَيَّ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

Maksudnya: Sebaik-baik ganjaran adalah seperti yang telah disebut (sebelumnya) iaitu syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai.

2) Surah al-Ra'd ayat 24.

جَنَّاتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ ﴿٢٤﴾ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٥﴾

Analisis ayat

Terdapat dua ta'wi:l bagi subjek pujian yang telah dihapuskan dari ayat di atas iaitu sama ada syurga (الْجَنَّةُ) atau ganjaran amalan mereka itu (عُقْبَاهُمْ) (Maḥmu:d al-Ṣa:fi, 1998:7/122). Penulis melihat kedua-dua ta'wi:l ini membawa kepada maksud yang sama. Ia dita'wi:l seperti berikut.

نَعْمَ عُقْبَى الدَّارِ الْجَنَّةُ أَوْ عُقْبَاهُمْ

Maksudnya: Sebaik-baik ganjaran tempat tinggal ialah syurga atau ganjaran bagi amalan mereka itu.

- 3) Surah al-Kahf ayat 31.

أُولَئِكَ هُمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَيَلْبَسُونَ ثِيَابًا خُضْرًا مِنْ سُندُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ مُتَّكِينَ فِيهَا عَلَى الْأَرَائِكِ نِعَمَ الثَّوَابِ وَحَسُنَتْ مُرْتَفَقًا



Analisis ayat

Subjek pujian yang telah dihapuskan dari ayat ialah (هي) dan ia merujuk kepada syurga-syurga Adn (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:8/181). Ayat tersebut dita'wi:l seperti berikut.

نِعَمَ الثَّوَابُ هِيَ أَيُّ جَنَّاتٍ عَدْنٍ

Maksudnya: Sebaik-baik balasan adalah syurga-syurga Adn.

- 4) Surah al-'Ankabu:t ayat 58

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَنُبَوِّئَنَّهُمْ مِنَ الْجَنَّةِ غُرَفًا تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا نِعَمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ

Analisis ayat

Subjek pujian yang telah dihapuskan dari ayat di atas adalah (هَذَا الْأَجْرُ) yang bermaksud ganjaran ini (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:11/12) atau ganjaran mereka (أَجْرُهُمْ) (Darwi:sh,1999:6/18). Ganjaran tersebut adalah mahligai-mahligai di dalam syurga. Ayat di atas dita'wi:l seperti berikut.

نِعَمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ هَذَا الْأَجْرُ أَوْ أَجْرُهُمْ

Maksudnya: Sebaik-baik ganjaran bagi orang yang beramal soleh ialah ganjaran ini atau ganjaran mereka itu.

- 5) Surah al-Zumar ayat 74.

وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي صَدَقْنَا وَعَدَهُ وَأَوْرَثَنَا الْأَرْضَ نَتَّبِعُوهُ مِنَ الْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَاءُ
فَنِعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ ﴿٧٤﴾

Analisis ayat

Subjek pujian yang dihapuskan dari ayat ini adalah bumi syurga. Cara pentafsirannya adalah sama seperti analisis surah al-'Ankabu:t ayat 58. Untuk pendetailan bolehlah dirujuk kepada Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:12/215).

iii) Subjek Pujian Yang Dihapuskan : Nabi Dan Rasul (2 Ayat).

- 1) Surah Ṣa:d ayat 30.

وَوَهَبْنَا لِدَاوُدَ سُلَيْمَانَ نِعَمَ الْعَبْدِ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٣٠﴾

Analisis ayat

Terdapat dua ta'wi:l bagi subjek pujian yang telah dihapuskan dari ayat ini iaitu sama Nabi Daud as atau Nabi Sulaiman as (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1992:12/121).

Kedua-dua ta'wi:l tersebut adalah diterima.

نِعَمَ الْعَبْدِ دَاوُدَ أَوْ سُلَيْمَانَ

Maksudnya: Sebaik-baik hamba (yang kuat beribadat dan sentiasa

bertaubat) adalah Nabi Daud as atau Nabi Sulaiman as.

- 2) Surah Ṣa:d ayat 44.

وَاخْذُ بِيَدِكَ ضِغْتًا فَاضْرِبْ بِهِ وَلَا تَحْنَتْ إِنََّّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا نِعَمَ الْعَبْدِ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٤٤﴾

Analisis ayat

Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1992:12/129) dan Ami:n Ami:n 'Abd al-Ghani:y (2000:448) menyatakan bahawa subjek pujian yang telah dihapuskan dari ayat ialah Nabi

Ayub as. Walaupun begitu, sesetengah ahli tafsir menjadikan lafaz (صَابِرًا) sebagai petunjuk subjek pujian. Oleh itu maksud ayat di atas ialah,

نَعَمْ الْعَبْدُ أَيُّوبُ أَوْ الصَّابِرُ

Maksudnya: Sebaik-baik hamba ialah Nabi Ayyub atau orang sabar.

Orang sabar dalam ayat tersebut juga merujuk kepada Nabi Ayyub as serta semua orang yang sabar sepertinya.

iv) Subjek Pujian Yang Dihapuskan : Menunaikan Amanah Dan Berhukum Dengan Adil (1 ayat sahaja).

- 1) Surah al-Nisa:’ ayat 58.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Analisis ayat

Subjek pujian telah dihapuskan dari ayat di atas. Ia dita’wil dalam bentuk ayat iaitu (تَأْدِيَةُ الْأَمَانَةِ وَالْحُكْمِ بِالْعَدْلِ), maksudnya menunaikan amanah dan berhukum dengan adil (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:3/69). Berikut adalah ta’wilnya.

نِعْمًا يَعِظُكُمْ بِهِ تَأْدِيَةُ الْأَمَانَةِ وَالْحُكْمِ بِالْعَدْلِ

Maksudnya: Sebaik-baik perkara yang memberi pengajaran kepada kamu ialah menunaikan amanah dan menghukum dengan adil.

v) Subjek Pujian Yang Dihapuskan : Alam Akhirat (1 ayat sahaja)

- 1) Surah al-Naḥl ayat 30.

وَقِيلَ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ ۚ قَالُوا خَيْرًا ۗ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ ۗ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلَنِعَمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ ﴿٣٠﴾

Analisis ayat

Subjek pujian yang dihapuskan telah dita'wil sebagai (هي). Ia merujuk kepada alam akhirat (Maḥmu:d al-Şa:fi:,1998:7/309). Ta'wil bagi ayat di atas seperti berikut.

نَعَمْ دَارُ الْمُتَّقِينَ هِيَ أَيْ دَارُ الْآخِرَةِ

Maksudnya: Sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertakwa ialah alam akhirat.

3.4.2.2 Analisis Subjek Celaan Yang Dihapuskan Dalam Ayat-Ayat Bi'sa

Daripada 39 ayat bi'sa, terdapat 36 ayat yang mana subjek celaannya telah dihapuskan dari struktur ayat. Sembilan perkara telah dijadikan subjek celaan dalam ayat-ayat tersebut. Berikut adalah perkara-perkara tersebut.

- 1) Neraka - 23 ayat
- 2) Orang Yahudi dan perbuatan mereka - 6 ayat
- 3) Laknat kepada Firaun dan pengikutnya - 1 ayat
- 4) Air minuman dari neraka - 1 ayat
- 5) Iblis - satu ayat
- 6) Makhluq yang disembah - 1 ayat
- 7) Syaitan - 1 ayat
- 8) Ilmu sihir - 1 ayat
- 9) Perbuatan ahli kitab - 1 ayat

Berikut adalah analisis ayat-ayat tersebut.

i) Subjek Celaan Yang Dihapuskan : Neraka (23 Ayat)

- 1) Surah al-Baqarat ayat 126.

وَإِذْ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمْتِعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَيُئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

Analisis ayat

Menurut al-Andalusiyy (2005:1/219) subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ini dapat difahami melalui makna. Ia dita'wi:l sebagai neraka (النَّار). Berikut adalah ta'wi:l bagi ayat di atas.

يُئْسَ الْمَصِيرُ النَّارُ

*Maksudnya: Seburuk-buruk tempat kembali adalah **neraka**.*

Menurut beliau lagi ada juga yang menta'wi:lkannya seperti berikut.

وَيُئْسَتِ الصَّيْرُورَةُ صَيْرُورَتُهُ إِلَى الْعَذَابِ

*Maksudnya: Seburuk-buruk kembali adalah **kembali kepada azab**.*

Berikut adalah ayat-ayat yang lain di mana Allah swt mencela neraka atau Jahannam sebagai seburuk-buruk tempat kembali (يُئْسَ الْمَصِيرُ).

- 2) Surah A:li 'Imra:n ayat 162.

أَفَمَنْ اتَّبَعَ رِضْوَانَ اللَّهِ كَمَنْ بَاءَ بِسَخَطٍ مِّنَ اللَّهِ وَمَأْوَهُ جَهَنَّمَ وَيُئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٦٢﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang dihapuskan dari struktur ayat ialah neraka Jahannam. Ayat ini dita'wi:l sebagai,

وَيُئْسَتِ الصَّيْرُورَةُ صَيْرُورَتُهُ إِلَى جَهَنَّمَ

*Maksudnya: Seburuk-buruk kembali adalah **kembali kepada neraka Jahannam**.*

- 3) Surah al-Anfa:l ayat 16.

وَمَنْ يُؤْلِهِمْ يَوْمَئِذٍ دُبرُهُ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَاءَ بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ
وَمَا لَهُ جَهَنَّمَ ۖ وَيُفْسِقُ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٦﴾

Analisis ayat

Subjek celaan dalam ayat ialah neraka Jahannam (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:5/188) yang dianggap sebagai seburuk-buruk tempat kembali.

- 4) Surah al-Tawbaṭ ayat 73.

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ جِهْدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ ۚ وَمَأْوَهُمْ جَهَنَّمُ وَيُفْسِقُ ٱلْمَصِيرُ ﴿٧٣﴾

Analisis ayat

Dalam menghurai ayat ini Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:5/393) menyatakan bahawa subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ialah KGND tersembunyi iaitu (هي). Ia merujuk kepada neraka Jahannam.

- 5) Surah al-Ḥajj ayat 72

قُلْ أَفَأُنَبِّئُكُم بِشَرِّ مِّنْ ذَٰلِكُمُ النَّارُ وَعَدَهَا اللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا وَيُفْسِقُ ٱلْمَصِيرُ ﴿٧٢﴾

Analisis ayat

Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:9/147) telah menghurai ayat ini dan menyatakan bahawa subjek celaan yang dihapuskan dari ayat ialah KGND tersembunyi iaitu (هي) dan ia merujuk kepada neraka.

- 6) Surah al-Nu:r ayat 57.

لَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا مُعْجِزِينَ فِي ٱلْأَرْضِ ۚ وَمَأْوَهُمُ النَّارُ وَلَيُفْسِقُ ٱلْمَصِيرُ ﴿٥٧﴾

Analisis ayat

Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998,9/289) tidak menyatakan tentang subjek celaan dalam ayat ini. Tetapi penulis mendapati bahawa situasinya sama seperti ayat-ayat di atas. Subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ialah neraka.

- 7) Surah al-Hadi:d ayat 15.

فَالْيَوْمَ لَا يُؤْخَذُ مِنْكُمْ فِدْيَةٌ وَلَا مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مَأْوِيَّتُكُمُ النَّارُ هِيَ مَوْلَاكُمْ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٥﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan ialah neraka (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:, 1998:14/148)

- 8) Surah al-Muja:dalaṭ ayat 8.

حَسْبُهُمْ جَهَنَّمُ يَصْلَوْنَهَا فَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٨﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ini ialah neraka Jahannam (Maḥmu:d al-Ṣa:fi: 1998:14/174).

- 9) Surah al-Tagha:bun ayat 10.

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٠﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ini ialah neraka (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:, 1998:14/271).

- 10) Surah al-Tahri:m ayat 9.

يَتَأْتِيهَا النَّبِيُّ جَهْدِ الْكُفَّارِ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلَظَ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٩﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ini ialah neraka Jahannam.

(Maḥmu:d al-Ṣa:fi:, 1998:14/302).

- 11) Surah al-Mulk ayat 6

وَلِلَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٦﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ini ialah neraka Jahannam

(Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:15/17).

Seterusnya Allah swt mencela neraka atau Jahannam dengan menggambarannya sebagai seburuk-buruk tempat tinggal (لَبِئْسَ الْمِهَادُ). Berikut adalah analisis ayat-ayat tersebut.

- 12) Surah al-Baqaraṭ ayat 206.

وَإِذَا قِيلَ لَهُ اتَّقِ اللَّهَ أَخَذَتْهُ الْعِزَّةُ بِالْإِثْمِ فَحَسْبُهُ جَهَنَّمُ وَلَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿٢٠٦﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ini ialah KGND tersembunyi

(هي). Ia merujuk kepada neraka Jahannam (Al-Andalusiyy, 2005:1/318).

- 13) Surah A:li ‘Imra:n ayat 12.

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَعْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ إِلَى جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٢﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ini ialah neraka Jahannam. (Al-Andalusiyy,2005:2/16).

- 14) Surah A:li ‘Imra:n ayat 197.

مَتَّعَ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang dihapuskan dari ayat ini ialah neraka Jahannam.

- 15) Surah al-Ra‘d ayat 18.

أُولَٰئِكَ هُمْ سُوءُ الْحِسَابِ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ ۖ وَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿١٨﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang dihapuskan dari ayat ini ialah KGND tersembunyi iaitu (هي). Ia merujuk kepada neraka Jahannam (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:, 1998:7/116).

- 16) Surah Ṣa:d ayat 55 dan 56.

هَٰذَا وَإِنَّ لِلطَّٰغِيْنَ لَشَرَّ مَقَابٍ ﴿٥٥﴾ جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا فَبِئْسَ الْمِهَادُ ﴿٥٦﴾

Analisis ayat

Cara analisis ayat ini sama seperti surah al-Baqarāṭ ayat 206. Subjek celaan yang dihapuskan ialah neraka Jahannam (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:12/134).

Dalam ayat-ayat yang seterusnya Allah swt telah mencela neraka atau Jahannam sebagai seburuk-buruk tempat tinggal bagi orang-orang yang melakukan kezaliman

(مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ) serta orang-orang yang bersifat takbur (مَثْوَى الظَّالِمِينَ). Berikut adalah analisis ayat-ayat tersebut.

- 17) Surah A:li ‘Imra:n ayat 151.

سَنُلْقِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّعْبَ بِمَا أَشْرَكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزَّلْ بِهِ سُلْطَانًا
وَمَا لَهُمْ النَّارُ وَفِي مَثْوَى الظَّالِمِينَ ﴿١٥١﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ini ialah neraka.

- 18) Surah al-Naḥl ayat 29.

فَادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا فَلَيْسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٢٩﴾

Analisis ayat

Subjek celaan telah dihapuskan dari struktur ayat iaitu neraka Jahannam (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:7/307).

- 19) Surah al-Zumar ayat 72.

قِيلَ ادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا فَبِئْسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٢﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan dari stuktur ayat ialah neraka Jahannam (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:12/213).

- 20) Surah Gha:fir atau al-Mu'min ayat 76.

ادْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا فَبِئْسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٧٦﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang dihapuskan dari struktur ayat ialah neraka Jahannam (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:12/275).

Dalam ayat-ayat yang seterusnya Allah swt mencela neraka yang digambarkan sebagai seburuk-buruk tempat yang akan dimasuki oleh Firaun dan pengikutnya.

21) Surah Hu:d ayat 98.

يَقْدُمُ قَوْمَهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فَأَوْرَدَهُمُ النَّارَ وَيُسَّ الْوَرْدُ الْمَوْرُودُ

Analisis ayat

Terdapat dua pandangan yang agak kontras tentang ayat ini. Menurut al-Andalusiyy (2005:3/320) pandangan pertama telah dipelopori oleh Ibn ‘Aṭiyyat dan Abu al-Baqa:’. Mereka menyatakan bahawa perkataan (الْمَوْرُودُ) menjadi sifat kepada pelaku iaitu (الْوَرْدُ). Subjek celaan telah dihapuskan dari ayat. Ia merujuk kepada neraka. Ayat ini dita’wi:l seperti berikut.

يُسَّ الْوَرْدُ الْمَوْرُودُ النَّارُ

Maksudnya: Seburuk-buruk tempat masuk yang dimasuki ialah neraka.

Pandangan ini tidak dipersetujui oleh Ibn Sira:j dan al-Fa:risiiyy (Al-Andalusiyy, 2005:3/320). Mereka melihat bahawa pandangan ini agak lemah memandangkan perkataan (الْوَرْدُ) tidak sesuai dimasukkan sifat (الْمَوْرُودُ). Gabungan kata terbitan (الْوَرْدُ) dan perkataan (الْمَوْرُودُ) menjadikan maknanya adalah ‘kemasukan yang dimasuki’. Kata terbitan ‘kemasukan’ pada realitinya tidak boleh ‘dimasuki’. Oleh itu analisis sintaksis ini amat lemah.

Pandangan seterusnya agak kukuh berbanding pandangan di atas. Pandangan ini menyatakan bahawa pelaku bi'sa ialah (الْوَرْدُ). Terdapat satu perkataan tersembunyi sebelumnya iaitu (مَكَانٌ) yang membawa maksud tempat. Manakala (المَوْرُودُ) adalah subjek celaan. Ayat di atas telah dita'wi:l seperti berikut.

بِئْسَ مَكَانُ الْوَرْدِ الْمَوْرُودُ أَيَّ النَّارِ

Maksudnya: Seburuk-buruk tempat masuk ialah tempat dimasuki itu iaitu neraka.

Seterusnya Allah swt mencela neraka Jahannam sebagai seburuk-buruk tempat tetap atau tempat yang didiami dengan menggunakan lafaz (الْقَرَارُ). Terdapat dua ayat di mana Allah swt menggunakan lafaz ini.

22) Surah Ibra:hi:m ayat 29.

جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا وَيَبْسُ الْقَرَارُ

Analisis ayat

Analisis ayat ini sama seperti ayat di atas. Subjek celaan yang telah dihapuskan ialah KGND tersembunyi iaitu (هي) (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:7/189). Ia merujuk kepada neraka Jahannam (Al-Andalusiyy,2005:4/27).

23) Surah Ṣa:d Ayat 60

قَالُوا بَلْ أَنْتُمْ لَا مَرْحَبًا بِكُمْ أَنْتُمْ قَدْ مَتَمُّوهُ لَنَا فَبِئْسَ الْقَرَارُ

Analisis ayat

Subjek celaan yang dihapuskan ialah neraka (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:, 1998:12/136).

ii) **Subjek Celaan Yang Dihapuskan : Orang Yahudi Serta Perbuatan-Perbuatan Mereka (6 Ayat).**

1) Surah al-Jumu‘at̃ ayat 5.

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ تَحْمِلُ أَسْفَارًا بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ
كَذَّبُوا الَّذِينَ بَيَّاتِ اللَّهُ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat di atas ialah (هَذَا الْمَثَلُ) yang bermaksud ‘perumpamaan ini’ (Darwi:sh,1999:7/521). Berikut adalah ta’wi:l bagi ayat tersebut.

بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ هَذَا الْمَثَلُ

Maksudnya : Seburuk-buruk perumpamaan kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah swt adalah perumpamaan ini.

2) Surah al-Ma:’idaṭ̃ ayat 79.

كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُكْرِمِ فَعْلُوهُ لِبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Analisis ayat

Situasi ayat ini juga sama seperti ayat di atas. Subjek celaan telah dihapuskan dari ayat. Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:3/427) telah menta’wi:lkannya sebagai ‘perbuatan mereka yang tidak melarang perbuatan mungkar yang telah dilakukan sesama mereka’ - (فَعْلُهُمْ بِتَرْكِ النَّهْيِ).

- 3) Surah al-Baqaraṭ ayat 93

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَأَسْمِعُوا^ط قَالُوا
سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ^ع قُلْ بِنَسَمَا يَا مُرْكُم بِهِ إِيْمَنُكُمْ إِن
كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩٣﴾

Analisis ayat

Ayat di atas juga telah dihapuskan subjek celaan. Ia dita'wi:l sebagai 'perbuatan menyembah patung anak lembu' (Maḥmu:d al-Ṣa:fi: ,1998:1/202).

- 4) Surah A:li 'Imra:n ayat 187

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ
وَأَشْتَرَوْا بِهِ^ط ثَمَنًا قَلِيلًا فَبِئْسَ مَا يَشْتَرُونَ ﴿١٨٧﴾

Analisis ayat

Menurut al-Darwi:sh (1999:1/592) subjek celaan yang telah dihapuskan dari ayat ini ialah KN Isyarat 'ini' iaitu (هذا). Ayat ini dita'wi:l sebagai,

بِئْسَ مَا يَشْتَرُونَ هَذَا

Maksudnya: Seburuk-buruk apa yang mereka tukarkan ialah yang ini.

'Ini' yang dimaksudkan ialah perbuatan mereka menukarkan perjanjian setia dengan Allah swt kepada faedah dunia semata-mata iaitu ilmu sihir. Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:2/406) tidak menyebut tentang subjek celaan dalam ayat ini ketika menganalisis ayat ini.

- 5) Surah al-Ma:'idaṭ ayat 62

وَتَرَى كَثِيرًا مِّنْهُمْ يُسْرِعُونَ فِي الْأَثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتَ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَْعْمَلُونَ ﴿٦٢﴾

Analisis ayat

Al-Darwi:sh (1999:2/261) dan Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:3/397) tidak menerangkan tentang subjek celaan apabila menghurai ayat ini dalam buku mereka i'ra:b al-Quran. Berdasarkan petunjuk-petunjuk yang terdapat sebelum ayat celaan ini penulis melihat subjek celaan bagi ayat ini ialah perbuatan mereka iaitu berlumba-lumba melakukan dosa dan permusuhan serta memakan yang haram. Ayat ini dita'wi:l seperti berikut.

بِئْسَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ عَلَيْهِمْ

Maksudnya: Seburuk-buruk apa yang pernah mereka lakukan adalah perlakuan mereka (itu).

- 6) Surah al-A'ra:f ayat 150.

وَلَمَّا رَجَعَ مُوسَىٰ إِلَىٰ قَوْمِهِ غَضَبَ عَلَيْهِمْ أَسَفًا قَالَ بَعْثُوا مَن يَخْلِفُنِي مِنْ بَعْدِي ﴿١٥٠﴾

Analisis ayat

Ayat di atas menerangkan tentang kemarahan Nabi Musa as terhadap perlakuan kaumnya sepeninggalannya. Subjek celaan telah dihapuskan dari struktur ayat. Ia dita'wi:l oleh Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:5/82) sebagai (خِلَافَتُكُمْ) iaitu perbuatan mereka membuat patung lembu untuk disembah sepeninggalan Nabi Musa as.

- iii) **Subjek Celaan Yang Dihapuskan : Laknat Terhadap Firaun Dan Pengikut-Pengikutnya (1 Ayat Sahaja).**

Surah Hu:d Ayat 99.

وَاتَّبِعُوا فِي هَذِهِ لَعْنَةً وَيَوْمَ الْقِيَمَةِ بِئْسَ الرَّفْدُ الْمَرْفُودُ ﴿٩٩﴾

Analisis ayat

Ayat celaan di atas Allah swt tidak menyebut subjek celaan. Tetapi berdasarkan petunjuk-petunjuk sebelumnya Allah swt mencela 'laknat' yang diberikan kepada Firaun dan pengikutnya pada hari kiamat. Ayat di atas telah dita'wil sebagai,

بِئْسَ الرَّفْدُ الْمَرْفُودُ هَذِهِ اللَّعْنَةُ

Maksudnya: Seburuk-buruk pemberian diberikan adalah laknat ini.

Al-Zamakhshariyy pula berpendapat bahawa subjek celaan dalam ayat di atas ialah perkataan (رَفْدُهُمْ) yang bermaksud pemberian mereka (Al-Andalusiyy, 2005:3/320). Ta'wil bagi ayat ini ialah seperti berikut.

بِئْسَ الرَّفْدُ الْمَرْفُودُ رَفْدُهُمْ

Maksudnya: Seburuk-buruk pemberian yang diberikan ialah pemberian (yang) mereka (perolehi).

Pemberian mereka dalam ayat di atas juga merujuk kepada laknat yang diberikan kepada mereka di dunia dan akhirat.

iv) Subjek Celaan Yang Dihapuskan : Minuman Neraka (1 Ayat sahaja).

Surah al-Kahf ayat 29.

وَقُلِ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَمْ ۖ فَمَنْ شَاءَ فَلْيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيُكْفُرْ ۚ إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا
أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا ۚ وَإِنْ يَسْتَغِيثُوا يُغَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَشْوِي الْوُجُوهَ ۚ بِئْسَ الشَّرَابُ
وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا ﴿٢٩﴾

Analisis ayat

Bagi Mahmud al-Ša:fi: (1998:8/176), subjek celaan yang telah dihapuskan dari struktur ayat ialah KGND tersembunyi iaitu (هو). Ia merujuk kepada air

minuman dari dalam neraka yang diumpamakan seperti tembaga cair yang membakar muka mereka (بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ).

v) **Subjek Celaan Yang Dihapuskan : Iblis (1 Ayat Sahaja)**

Surah al-Kahf ayat 50.

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ ۖ أَفَتَتَّخِذُونَهُ وَذُرِّيَّتَهُ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِئْسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا ﴿٥٠﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang dihapuskan dari ayat ialah KGND tersembunyi iaitu (هو).

Ia merujuk kepada Iblis (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:8/205). Dalam ayat ini Allah swt mencela Iblis kerana dijadikan pemimpin selain daripada Allah swt.

vi) **Subjek Celaan Yang Dihapuskan : Makhluk Yang Diseru Dan Disembah (1 Ayat Sahaja)**

Surah al-Ḥajj ayat 13.

يَدْعُوا لِمَنْ ضَرُّهُ أَقْرَبُ مِنْ نَفْعِهِ ۚ لَيْسَ الْمَوْلَىٰ وَلَيْسَ الْعَشِيرُ ﴿١٣﴾

Analisis ayat

Subjek celaan yang dihapuskan dari struktur ayat ialah KGND tersembunyi iaitu (هو). Ia merujuk kepada makhluk yang diseru dan disembah selain Allah swt (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:9/94). Apabila manusia menyeru dan menyembah makhluk maka perbuatan itu memberi lebih banyak mudarat dari manfaatnya.

vii) Subjek Celaan Yang Dihapuskan : Syaitan (1 Ayat Sahaja).

Surah al-Zukhruf ayat 38.

حَتَّىٰ إِذَا جَاءَنَا قَالَ يَلَيْتَ بَيْنِي وَبَيْنَكَ بُعْدَ الْمَشْرِقَيْنِ فَبِئْسَ الْقَرِينُ ﴿٣٨﴾

Analisis ayat

Subjek celaan dalam ayat di atas ialah KGND ‘kamu’ iaitu (أَنْتَ) . Ia merujuk kepada Syaitan. (Maḥmu:d al-Ṣa:fi:,1998:13/87). Ta’wi:lnya seperti berikut.

إِنْ كُنْتُ أَتَّخِذُكَ قَرِينًا فَبِئْسَ الْقَرِينُ أَنْتَ

Maksudnya: Walaupun aku mengambil kamu sebagai teman maka seburuk-buruk teman adalah kamu.

viii) Subjek celaan yang dihapuskan : Ilmu sihir (1 ayat sahaja)

Surah al-Baqaraṭ ayat 102.

وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٢﴾

Analisis ayat

Berdasarkan ayat di atas subjek celaan yang dihapuskan dari ayat ini ialah ilmu sihir. Penulis mendapati dua pengarang kitab i’ra:b al-Quran iaitu al-Darwi:sh (1999:1/151) dan Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:1/219) tidak menyebut tentang subjek celaan dalam ayat ini.

ix) Subjek Celaan Yang Dihapuskan : Perbuatan Para Pendita Ahli Kitab (1

Ayat Sahaja)

Surah al-Ma:’idaṭ ayat 63

لَوْلَا يَنْهَاهُمُ الرَّبَّيُّونَ وَالْأَحْبَارُ عَنْ قَوْلِهِمُ الْإِثْمَ وَأَكْلِهِمُ السُّحْتَ لَبِئْسَ مَا كَانُوا
يَصْنَعُونَ ﴿٦٣﴾

Analisis ayat

Situasi ayat ini sama seperti ayat di atas. Subjek celaan telah dihapuskan dari ayat. Ia dita’wi:l sebagai perbuatan mengeluarkan perkataan-perkataan yang dusta dan memakan yang haram. Darwi:sh(1999:2/261) dan Maḥmu:d al-Ṣa:fi: (1998:3/398) tidak menghurai tentang subjek celaan ini dalam buku mereka.

3.5 Penutup

Setelah membuat analisis terhadap semua ayat ni‘ma dan bi’sa yang terdapat di dalam al-Quran, penulis mendapati bahawa terdapat 6 perkara telah dipuji oleh Allah swt menggunakan KK ni‘ma dan 10 perkara lagi telah dicela olehNya menggunakan KK bi’sa. Perkara-perkara yang dipuji oleh Allah swt menggunakan KK ni‘ma adalah seperti berikut.

- 1) Allah swt – 6 ayat.
- 2) Syurga – 5 ayat.
- 3) Nabi-nabi – 2 ayat.
- 4) Sedekah – 1 ayat.
- 5) Menunaikan amanah dan berhukum dengan adil – 1 ayat.
- 6) Alam akhirat – 1 ayat.

Manakala perkara-perkara yang dicela oleh Allah swt yang menggunakan KK bi'sa pula adalah seperti berikut.

- 1) Neraka dan neraka Jahannam – 23 ayat.
- 2) Orang Yahudi/Bani Israel dan perbuatan mereka – 7 ayat.
- 3) Perbuatan ahli kitab dan pendeta-pendeta mereka – 2 ayat.
- 4) Laknat terhadap Firaun dan pengikut-pengikutnya – 1 ayat.
- 5) Air minuman neraka – 1 ayat.
- 6) Iblis – 1 ayat.
- 7) Makhluq yang disembah – 1 ayat.
- 8) Syaitan – 1 ayat.
- 9) Kefasikan – 1 ayat.
- 10) Ilmu sihir – 1 ayat.

Berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan, penulis mendapati Allah swt banyak memuji zat dan sifatNya sebagai sebaik-baik tuhan sebagai pengurus, pelindung, penolong, tuhan yang mengkabulkan doa, yang menghamparkan (bumi) dan yang menentukan sesuatu.

Selain itu, perkara yang paling banyak dicela dalam al-Quran ialah neraka, khususnya neraka Jahannam. Allah swt telah mencela neraka sebagai seburuk-buruk tempat kembali, seburuk-buruk tempat tinggal, tempat kembali, tempat yang dimasuki, tempat tetap, tempat tinggal, tempat bagi orang zalim, dan tempat bagi orang sombong lagi takbur.